

Jurnal PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU

2013



جامعة
الهندسة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



اِنْسِتِیْتُوتُ فُوْيِکِيرَنْ دَانْ كَيْپِيمِينَ مَلَيُو
IMPAK
Institut Pemikiran & Kepimpinan Melayu

©Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa juga cara baik secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Jurnal Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu 2013.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu
Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan Malaysia.
Tel: 03-5522 5448 / 5515
Fax: 03-5522 5489
e-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my

Mengandungi Indeks: ISSN 2289-5744

e-Printed oleh: INSTITUT PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU (IMPAK)

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam jurnal ini adalah pandangan peribadi mereka dan tidak semestinya mewakili pandangan Insitut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan UiTM. Sebarang ulasan, kemosyikilan dan pertanyaan tentang artikel-artikel yang diterbitkan hendaklah dikemukakan kepada Sidang Editor.

Sidang Editorial

Pengerusi:

Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Mohd Shahibi

Editor Perunding :

Y.Bhg Prof. Datuk Hj Abdul Halim Sidek
Y.Bhg Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said
Y.Bhg Prof. Dr. Sohaimi Zakaria
Y.Bhg Datuk Zaini Hassan
Prof. Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah
En. Zulkifli Ab. Rashid

Ketua Penyelaras Editorial:

Prof. Madya Dr. Ghazali Daimin

Sidang Editor:

Prof. Madya Dr. Muhammad Rozi Malim
Dr. Samsudin Wahab
Prof. Madya Mat @ Muhammad bin Yusoff
Tuan Haji Juwahir Ali
En. Hassan Abdullah
En. Fairul Nazmie bin Osman
Pn. Norhayati Hussin

Grafik:

En. Mohd Husni Mohd Som
En. Hussien Harnis
En. Mohd Hafiz Ab Satar

Isi Kandungan

Tajuk	M/s
Dasar Kepimpinan Najib: Model Transformasi Ke Arah Kesejahteraan Global <i>Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali, Hasan Abdullah</i> <i>Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu</i> <i>Universiti Teknologi MARA.</i>	3-10
Konsep Satu Malaysia Sebagai Agenda Politik : Perlu Diteruskan Atau Difikir Kembali? <i>Ismail Sualman</i> <i>Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM.</i>	11-28
Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat Politik Di Internet Dalam Kalangan Generasi Muda <i>Mohd Sazili Shahibi, Nurhayati Hussin, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah</i> <i>Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)</i> <i>Universiti Teknologi MARA (UiTM)</i>	29-35
Indeks Kemampuan Pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia 2012 <i>Muhammad Rozi Malim, Mohd Sazili Shahibi, Ghazali Daimin</i> <i>Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</i>	36-52
Model Integrasi Indeks Utama Prestasi (MIIUPA-KPIAs) Agensi Payung Industri Homestay Melayu Malaysia <i>Hasan Abdullah, Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Muhammad Rozi Malim, dan Juwahir Ali</i> <i>Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</i>	53-71
Tahap Keyakinan Diri dan Pencapaian Atlet Bumiputera <i>Vincent A. Parnabas dan Yahaya Mahamood</i> <i>Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM.</i> <i>Faculty of College of Art and Science, University Utara Malaysia (UUM)</i>	72-77
Bahasa Melayu Benteng Islam dan Melayu <i>Azman Che Mat</i> <i>Universiti Teknologi MARA</i>	78-82
UiTM dan Destini Melayu <i>Prof Madya Dr Ghazali B. Daimin</i> <i>Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), UiTM.</i>	83-86
Bangkitlah Wahai Remaja Melayu <i>Leylawati Binti Joremi</i> <i>Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM.</i>	87-92

INDEKS KEMAMPUAN PENGURUSAN PKS MELAYU/BUMIPUTERA DI MALAYSIA 2012

Muhammad Rozi Malim, Mohd Sazili Shahibi, Ghazali Daimin

Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)

Universiti Teknologi MARA

Shah Alam, Malaysia

ABSTRAK

Kemampuan Pengurusan telah menjadi petunjuk penting prestasi dalam pengurusan sesebuah organisasi. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), khususnya Melayu dan Bumiputera, sering berhadapan dengan masalah-masalah yang jarang dihadapi oleh syarikat-syarikat besar dan multinasional. Salah satu masalah utama adalah kemahiran pengurusan. Kertaskerja ini bertujuan menilai kemampuan pengurusan dan kompetensi PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia menggunakan Indeks Kemampuan Pengurusan (IKP) berdasarkan piawaian yang telah diterimakan oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM). Satu kajian telah dijalankan menggunakan borang soalselidik yang telah diadaptasi daripada kajiselidik yang digunakan oleh MIM. Borang-borang soalselidik telah dihantar secara pos kepada sekurang-kurangnya 500 PKS Melayu/Bumiputera di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah dengan tumpuan utama di Lembah Klang. Kaedah temuduga secara berdepan juga telah dijalankan bagi mendapatkan bilangan responden yang lebih baik dan data lebih tepat. Indeks Kemampuan Pengurusan PKS Melayu dan Bumiputera di Malaysia bagi tahun 2012 dicatatkan pada 65.36.

Kata-Kunci: Kemampuan Pengurusan; PKS Melayu/Bumiputera; Kemahiran Pengurusan dan Kompetensi; Indeks Kemampuan Pengurusan.

1. PENGENALAN

Majoriti daripada pertumbuhan perniagaan di Malaysia adalah terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Mereka beroperasi di hampir setiap sektor. Secara kolektif, mereka membentuk suatu komponen penting dalam komuniti perniagaan di Malaysia. Meningkatkan kemahiran dan kemampuan pengurusan pengusaha PKS adalah antara faktor-faktor utama yang akan menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan dan ekonomi negara.

Kajian Indeks Kemampuan Pengurusan Malaysia 2010 atau ‘IKP Malaysia 2010’ (MIM-MPC, 2010) yang dijalankan oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah mewujudkan asas yang lebih baik bagi mengukur prestasi organisasi di Malaysia dari segi kemampuan pengurusan. IKP Malaysia 2010 telah meningkat kepada 72.0 berbanding 67.7 pada tahun 2008 (MIM-MPC, 2008) daripada potensi kemampuan 100 dalam semua kategori. Walau bagaimanapun, keputusan kajian itu masih boleh dipersoalkan. Daripada 4000 organisasi di Malaysia yang diberikan borang kajiselidik, hanya sejumlah kecil iaitu 240 respons (6%) telah diterima semula di mana hanya 222 dianalisis. Selain itu, walaupun kajian tersebut telah melibatkan sektor PKS, ia tidak memberi tumpuan khusus kepada PKS Melayu/Bumiputera.

Justeru itu, kajian Indeks Kemampuan Pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia 2012 (IKP-PKS-MB 2012) yang telah dijalankan oleh Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) UiTM bermula Januari 2011 hingga Jun 2012 bertujuan khusus untuk mewujudkan suatu asas yang lebih baik bagi menilai prestasi kemampuan pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia. Sama seperti yang telah digunakan dalam kajian IKP Malaysia 2010, IKP-PKS-MB 2012 juga berlandaskan 10 pemacu utama kemampuan pengurusan (MIM-MPC, 2010).

2. KEMAMPUAN PENGURUSAN DAN INDEKS

2.1 Kemampuan Pengurusan

“Kemampuan pengurusan” bermula dengan kecekapan seseorang individu yang merangkumi proses, amalan dan struktur kerja yang baik. Ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kemampuan pengurusan sesebuah organisasi yang secara langsung mempengaruhi kemampuan negara dalam prestasi ekonomi dan pertumbuhan jangka panjang (MIM, 2006). Kemampuan pengurusan adalah lebih luas maksudnya dari kecekapan pengurusan. Kecekapan adalah gambaran umum kebolehan-kebolehan yang diperlukan untuk melaksanakan dengan jayanya sesuatu pekerjaan atau tugas tertentu, manakala kemampuan adalah tahap di mana pengurusan menggunakan kemahiran, kebolehan dan kecekapan untuk mencapai keberhasilan. Dalam menilai kemampuan, kita sebenarnya bergerak ke satu tahap yang melebihi kecekapan.

Kemampuan pengurusan dipamerkan dalam prestasi pengurusan organisasi, dan ini adalah hasil daripada kepimpinan pengurusan dan kecekapan dalam amalan pengurusan utama yang membawa kepada prestasi pengurusan dan pertumbuhan organisasi yang mampan. Pasti wujud faktor-faktor lain di luar pengurusan yang juga mempengaruhi prestasi organisasi seperti dasar kerajaan, inflasi, pasaran buruh, dan sebagainya. Kemampuan pengurusan adalah keupayaan untuk menyampaikan prestasi dengan menggunakan kecekapan dalam persekitaran tertentu dengan sumber-sumber yang ada dan menangani cabaran yang dihadapi dalam mencapai kecemerlangan organisasi. Pengurus yang berkebolehan bertindak balas terhadap perubahan persekitaran dan menyesuaikan diri dalam menggunakan keupayaan mereka secara praktis dalam persekitaran yang berbeza dan mencabar dan menghasilkan keputusan-keputusan yang lebih hebat. Mereka mempunyai wawasan yang berinspirasi dan matlamat strategik yang jelas, dan mampu mengembangkan organisasi dengan mempertingkatkan prestasi organisasi secara berterusan.

Aspek penting dalam kemampuan adalah bagaimana berkesannya pihak pengurusan mempraktik dan mengamalkan kecekapan mereka untuk menangani pengaruh luaran dan dalaman bagi mencapai tahap tertinggi pengurusan dan prestasi organisasi. Semua kecekapan adalah penting, tetapi tanpa keupayaan untuk benar-benar mempraktikkannya dalam organisasi, pekerja dan proses dalam organisasi hanya menyampaikan prestasi dalam usaha untuk menjayakan apa yang telah dirancang bagi beberapa tujuan, wawasan, matlamat strategik dan prestasi jangka pendek. Kecekapan-kecekapan ini tidak dapat memberi banyak manfaat kepada suatu organisasi, atau seseorang individu, dalam mengembangkan prestasi diri. Kemampuan adalah bagaimana prestasi Ketua Pegawai Eksekutif, atau mana-mana pengurusan prestasi, dinilai atau ditentukan. Apabila persekitaran menjadi lebih sukar, pengurus-pengurus yang berkebolehan mampu berjaya dan menyampaikan prestasi dengan sebaiknya.

Pengurus-pengurus terbaik adalah mereka yang mampu menggunakan kecekapan dalam persekitaran yang berbeza dan mencabar bagi menghasilkan keputusan yang lebih hebat. Kita semua mempunyai kemahiran, kebolehan, bakat tersendiri dan kecekapan. Tetapi bolehkah kita menggunakananya untuk menyampaikan prestasi pengurusan yang unggul dalam organisasi yang kita pimpin? Secara praktis, sebahagian daripada kita adalah sangat baik dalam menggunakan kemahiran, kebolehan dan bakat tersendiri, dan melalui kepimpinan pengurusan, mampu menyampaikan prestasi pengurusan yang unggul. Mereka yang lain, dengan ciri-ciri kemahiran, kebolehan dan bakat tersendiri yang sama, mungkin tidak dapat melakukannya. Kita berhadapan dengan amalan dan aplikasi sebenar kepimpinan pengurusan, bukan teori.

Oleh itu, kemampuan adalah keupayaan untuk menyampaikan prestasi menggunakan kecekapan dengan sumber-sumber yang ada, dan menguruskan cabaran yang dihadapi bagi mencapai keputusan yang diingini. Justeru itu, pengukuran kemampuan pengurusan sesebuah organisasi perlu mengambil kira sepenuhnya kecekapan pengurusan dan kebolehan mencapai keputusan.

2.2 Indeks Kemampuan Pengurusan dan Pemacu Utama

“Indeks Kemampuan Pengurusan” (IKP) menterjemahkan penilaian prestasi pengurusan ke dalam suatu indeks. Indeks ini adalah satu ukuran dan petunjuk yang berguna bagaimana seorang pengurus, organisasi, kumpulan, sektor atau negara mampu mempamerkan prestasi berdasarkan beberapa kriteria. Oleh itu, IKP membolehkan perbandingan atau penandaaran yang jelas di kalangan pengurus, organisasi, sektor maupun negara.

Sejarah IKP bermula pada tahun 2003 di mana *New Zealand Institute of Management* (NZIM) telah memperkenalkan *New Zealand Management Capability Index* (NZIM MCI) yang telah dibangunkan oleh Doug Matheson (bekas Pengerusi NZIM), kemudiannya dirujuk sebagai *New Zealand Model* (www.management.co.nz). NZIM MCI 2003 dinilai berdasarkan sembilan (9) pemacu utama kemampuan pengurusan yang menjamin prestasi organisasi dan pertumbuhan perniagaan yang menguntungkan dan mampan. Setiap pemacu utama (kategori) diberikan satu pemberat yang sesuai bagi mewakili tahap kepentingannya dalam indeks akhir NZIM MCI. Hasil kajiselidik NZIM MCI 2003 telah menarik minat *All India Management Association* (AIMA) untuk menjalankan kajiselidik yang serupa bagi firma-firma di India pada tahun 2005. Ini telah membolehkan, buat pertama kalinya, perbandingan IKP dua negara, New Zealand dan India, dilakukan. Secara keseluruhan, IKP India adalah 6% lebih baik daripada New Zealand. Seterusnya diikuti oleh Malaysia pada tahun 2006, Hong Kong pada tahun 2007, Kanada pada 2009, Singapura (2010), dan Australia (2012).

Institut Pengurusan Malaysia (MIM) telah melakukan kajiselidik pertama IKP untuk firma-firma di Malaysia pada 2006 sebagai menyahut jemputan dari *Asian Association of Management Organizations* (AAMO) yang dianggotai oleh organisasi-organisasi pengurusan kebangsaan dari 17 negara dalam usaha untuk mendapatkan penanda aras serantau. Sama seperti kajiselidik NZIM MCI 2003 dan IKP India 2005, menggunakan *New Zealand Model*, IKP Malaysia 2006 juga dinilai berlandaskan sembilan pemacu (pendorong) utama kemampuan pengurusan yang menjamin pertumbuhan perniagaan yang menguntungkan dan prestasi yang kompetitif (MIM, 2006). Keputusan kajiselidik IKP Malaysia 2006 telah memberikan impak positif dan menonjolkan kepentingan IKP sebagai petunjuk prestasi organisasi. Seterusnya, MIM dengan kerjasama *Malaysian Productivity Corporation* (MPC) telah menetapkan kajiselidik IKP Malaysia ini dilakukan setiap dua tahun; kedua pada 2008 dan ketiga pada 2010. Walau bagaimanapun, bermula 2008, sama seperti beberapa negara lain, IKP Malaysia mula dinilai berdasarkan 10 pemacu utama kemampuan pengurusan (MIM-MPC, 2008). “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” ditambahkan dalam senarai pemacu utama (kategori) IKP Malaysia dengan pemberat 5% yang diambil daripada “Keputusan dan Prestasi Perbandingan”. Jadual 1 menyenaraikan 10 kategori utama kemampuan pengurusan berserta pemberat-pemberat yang mewakili tahap kepentingan setiap kategori dalam indeks akhir.

Jadual 1. 10 Pemacu Utama (Kategori) IKP Malaysia (mulai 2008) dan Pemberat-pemberat

	Pemacu Utama (Kategori)	Pemberat
1	Kepimpinan Berwawasan dan Strategik	15%
2	Kepimpinan Prestasi	10%
3	Kepimpinan Sumber Manusia	10%
4	Pengurusan Kewangan	10%
5	Kemampuan Organisasi	5%
6	Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan	5%
7	Hubungan Luar	5%
8	Inovasi – Produk dan Perkhidmatan	10%
9	Integriti dan Tadbir Urus Korporat	5%
10	Keputusan dan Prestasi Perbandingan	25%
	JUMLAH	100%

(Sumber: MIM-MPC, 2008)

2.3 Indeks Kemampuan Pengurusan Antarabangsa dan Malaysia

Bagi mengukur kemampuan pengurusan New Zealand, *New Zealand Institute of Management* (NZIM) telah memperkenalkan IKP NZIM (NZIM MCI) pada 2003. Pada awalnya, NZIM MCI 2003 hanya untuk kegunaan New Zealand. Sejak itu, penggunaan IKP oleh beberapa negara lain seperti India dan Malaysia telah membantu menyediakan asas lebih luas bagi membolehkan penandaaran dan melihat pengurusan prestasi di peringkat antarabangsa. Sehingga 2009, NZIM MCI masih berpandu kepada sembilan (9) pamacu utama. Ini berbeza dengan beberapa negara lain yang telah menggunakan 10 pamacu utama (Jadual 1) seperti IKP Malaysia 2008 (MIM-MPC, 2008). Bagaimanapun, NZIM telah menggunakan 10 pamacu utama dalam NZIM MCI 2010 (Birchfield, 2011). Sebagai perintis kajian IKP, NZIM amat komited dan telah menjalankan kajiselidik IKP hampir setiap tahun sejak 2003. NZIM MCI 2003 dicatatkan pada 66.23. Sepanjang tiga tahun sehingga 2005, NZIM MCI semakin bertambah baik. Tetapi dalam kajiselidik 2006, ia jatuh daripada 70.3 pada tahun 2005 kepada 68.6 (NZIM, 2007).

Kategori yang paling banyak mempengaruhi NZIM MCI adalah “Keputusan dan Prestasi Perbandingan” organisasi (30%); mulai merosot pada 2005 dan berterusan sehingga 2007. Pada 2006, hanya kategori “Pengurusan Kewangan” dan “Hubungan Luar” mampu mencatat kemampuan melebihi 70. “Inovasi – Produk dan Perkhidmatan” berterusan memberikan pencapaian yang lemah (kurang dari 65). Penarafan NZIM MCI 2006 pada 68.6 tidak memadai, menunjukkan ramai daripada pengurus New Zealand di peringkat atasan tidak mencapai potensi organisasi yang mereka pimpin. Bagi tahun 2007, NZIM MCI terus merosot ke paras 67.4; jatuh 1.2 mata (1.8%) berbanding 2006. Seperti 2006, “Inovasi – Produk dan Perkhidmatan” terus menurun dan mencatatkan nilai terendah 63.3. Dalam 2008, tiada kajiselidik IKP dilakukan oleh NZIM. Bagaimanapun, keputusan kajiselidik NZIM MCI 2009 yang berdasarkan hanya 123 responden, menunjukkan beberapa peningkatan prestasi (NZIM, 2009) dalam hampir semua kategori, dan secara keseluruhan telah menaikkan NZIM MCI sebanyak 2.5 mata. Ini adalah berita baik kerana NZIM MCI telah menurun sejak beberapa tahun sebelumnya. Kajian terbaru NZIM pada 2010 (Birchfield, 2011) menunjukkan peningkatan ketara dalam semua kategori. NZIM MCI 2010 pada 73.33 telah mencatatkan rekod tertinggi sejak IKP mula diperkenalkan pada 2003; peningkatan 3.46 mata berbanding 2009. “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” yang pertama kali dimasukkan dalam senarai kategori NZIM MCI merekodkan nilai indeks tertinggi 86.05. “Pengurusan Kewangan” juga bertambah kukuh dengan indeks 82.65.

Pada 2005 dan 2007, sama seperti NZIM MCI 2003-2009, IKP India berdasarkan sembilan pamacu utama. Pada 2005, *All India Management Association* (AIMA), buat pertama kali, telah menjalankan kajiselidik kemampuan pengurusan di India. Seperti yang dilaporkan dalam NZIM (2007), IKP India 2005 (AIMA MCI 2005) adalah 76.4 berbanding NZIM MCI 2005 pada 70.3. Dalam semua kategori, IKP India melebihi 70, lebih tinggi daripada New Zealand kecuali dalam “Pengurusan Kewangan”. Tumpuan strategik India yang sangat kuat bagi meningkatkan prestasi melalui pendidikan dan latihan pengurusan jelas membawa hasil. IKP India bagi 2010 (AIMA MCI 2010), dengan 10 pamacu utama (Jadual 1) dan 203 responden, telah meningkat dengan ketara berbanding 2007 dengan nilai keseluruhan 74.6%, iaitu 1.27 mata melebihi NZIM MCI 2010. Sektor korporat India adalah kukuh dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” dengan indeks 80.8. Prestasi keseluruhan sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) India juga amat baik pada tahap yang sama 74.6%.

IKP Hong Kong 2007, dilaporkan dalam MIM-MPC (2009) dan berdasarkan sembilan kategori, mencatatkan nilai melebihi paras 70 mata (70.9); lebih tinggi daripada IKP Malaysia 2008 (67.7) dan NZIM MCI 2007 (67.37). “Kepimpinan Prestasi” memberikan nilai kemampuan pengurusan tertinggi (76.2) manakala “Kepimpinan Sumber Manusia” adalah pada paras terendah (65.5). Seperti Hong Kong, berlandaskan sembilan pamacu utama, IKP Kanada bagi 2009 direkodkan pada 73.89 mata (NZIM, 2009). Oleh itu, secara keseluruhan, prestasi kemampuan pengurusan organisasi-organisasi Kanada adalah pada tahap 74%. Berbanding NZIM MCI 2009, IKP Kanada adalah lebih tinggi dalam semua kategori kemampuan pengurusan. Kategori “Pengurusan Kewangan” mencatatkan indeks tertinggi (80.0). Semua kategori berada pada paras melebihi 70 mata kecuali “Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan” (69.89).

Singapore Institute of Management (SIM) buat pertama kali pada 2010 telah melaksanakan kajiselidik kemampuan pengurusan menggunakan 10 pamacu utama (Jadual 1). Berdasarkan 136 organisasi, IKP Singapura 2010 (69.2) tidak mampu mencapai paras 70 mata (AIM-AMCI, 2012). Ini jelas menunjukkan bahawa tahap kemampuan pengurusan organisasi-organisasi Singapura adalah terendah berbanding negara-negara lain; NZIM MCI 2010 (73.33), AIMA MCI 2010 (74.6), Hong Kong 2007 (70.9), Kanada 2009 (73.89), Australia 2012 (71.1), and Malaysia 2010 (72.0). Walaupun begitu, “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” Singapura melebihi paras 80 mata (84.0) menunjukkan ia dipraktikkan di seluruh organisasi secara berterusan. Nilai 84.0 ini adalah lebih tinggi berbanding India 2010 (80.4) dan Malaysia 2010 (80.0), tetapi lebih rendah dari New Zealand 2010 (86.05). “Keputusan dan Prestasi Perbandingan” mencatatkan nilai paling rendah (64.0).

Seperti negara-negara lain, kajian IKP pertama Australia pada 2012 (AMCI 2012) yang dikendalikan oleh *Australian Institute of Management* (AIM) telah diadaptasi dari kajian NZIM MCI 2003 (AIM-AMCI, 2012). Ia bertujuan untuk mengukur dan mewujudkan satu penanda aras kemampuan pengurusan organisasi-organisasi Australia bagi mengenalpasti di mana penambahbaikan dalam prestasi pengurusan boleh dibuat, dan juga memantau prestasi dari masa ke masa. AMCI 2012 adalah berdasarkan 10 pamacu utama kemampuan pengurusan (Jadual 1). Kajian dilakukan secara atas-talian (*online*) pada penghujung 2011 dengan 252 responden (organisasi) dari seluruh Australia. Secara keseluruhan, AMCI 2012 berada pada paras 71.1 mata; terdapat ruang yang luas untuk meningkatkan tahap prestasi. Organisasi-organisasi Australia mencatat nilai tertinggi dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” (85.7), jauh melebihi tahap keseluruhan 71.1, diikuti oleh “Pengurusan Kewangan” (76.8) dan “Hubungan Luar” (74.1). Bagaimanapun, AMCI 2012 berada pada tahap rendah dalam “Kemampuan Organisasi” (66.2) dan “Inovasi – Produk dan Perkhidmatan” (67.3). Di peringkat antarabangsa, AMCI 2012 adalah setanding dengan NZIM MCI 2010 (73.33), IKP Malaysia 2010 (72.0), India 2010 (74.6) dan Singapura 2010 (69.2). Pengurusan Australia mendahului negara-negara lain dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” kecuali New Zealand. Dengan mengetengahkan beberapa kekuatan dan kelemahan dalam kemampuan pengurusan, AMCI 2012 akan membantu organisasi-organisasi Australia untuk mengarahkan tumpuan mereka kepada bidang-bidang keutamaan untuk penambahbaikan. Pengurus-pengurus Australia perlu memperbaharui dan meningkatkan pengetahuan mereka dalam perniagaan di peringkat global.

Kajiselidik IKP Malaysia yang pertama dilancarkan oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM) pada 2006 sebagai inisiatif untuk menilai keupayaan pengurusan organisasi Malaysia (MIM, 2006). Ia tercetus dari pelawaan *Asian Association of Management Organisations* (AAMO) untuk menjalankan kajian IKP di kalangan negara-negara anggota AAMO bagi mendapatkan penanda aras serantau. Ini membolehkan organisasi-organisasi Malaysia menilai kemampuan pengurusan semasa, manakala pada masa yang sama meletakkan mereka sebaris dengan negara-negara jiran dan belajar dari amalan-amalan terbaik mereka dalam meningkatkan kemampuan pengurusan. Kajiselidik IKP Malaysia 2006 telah mendapat respon daripada 110 organisasi. Pada 2008, MIM dengan kerjasama *Malaysian Productivity Corporation* (MPC) meneruskan kajian IKP kedua dengan 333 organisasi (MIM-MPC, 2008). Ini telah membolehkan analisis kemampuan pengurusan dilakukan berdasarkan sektor dan organisasi. Pada 2010, MIM dan MPC sekali bergabung menjalankan kajiselidik ketiga (IKP Malaysia 2010) dan mendapat sokongan berterusan 240 organisasi di Malaysia di mana hanya 222 dianalisis (MIM-MPC, 2010). Indeks yang terhasil membolehkan sebuah organisasi menilai kemampuan pengurusan mereka dan juga memberikan perbandingan dengan indeks kebangsaan, sektor serta organisasi. IKP berfungsi sebagai platform bagi MIM dan MPC untuk mengumpul penanda aras serantau dan amalan-amalan terbaik di kalangan organisasi dan negara.

IKP Malaysia 2006 adalah berdasarkan sembilan pamacu utama kemampuan pengurusan. Bagi 2008 dan 2010, IKP Malaysia adalah berpandukan kepada 10 pamacu utama seperti dalam Jadual 1, iaitu penambahan kategori “Integriti dan Tadbir Urus Korporat”. Pada 71.3 mata, IKP Malaysia 2006 (MIM MCI 2006) adalah 2.7 mata lebih tinggi dari NZIM MCI 2006. Malaysia lebih kukuh daripada New Zealand dalam semua kategori kecuali “Pengurusan Kewangan”. Malaysia menunjukkan pengurusan prestasi yang lebih seimbang berbanding New Zealand bagi 2006. Bagi 2008, secara keseluruhan, terdapat kejatuhan yang ketara dalam IKP Malaysia (67.7) berbanding 2006 (71.3) bagi

semua sembilan kategori. Kejatuhan terbesar adalah 7.1 mata dalam kategori “Inovasi – Produk dan Perkhidmatan” dan 6.9 mata dalam “Hubungan Luar”. Kategori baru “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” bagi 2008 mencatatkan nilai tertinggi (75.2). Berbanding negara lain, IKP Malaysia 2008 adalah lebih tinggi daripada NZIM MCI 2007 (67.37) dan India 2007 (61.7). IKP Malaysia 2010 telah meningkat kepada 72.0 mata dalam semua kategori. Walaupun begitu, organisasi-organisasi Malaysia masih belum mencapai tahap kecemerlangan kerana mereka perlu mencapai 80 di mana amalan-amalan pengurusan cemerlang diperlakukan secara konsisten di seluruh organisasi. IKP Malaysia 2010 mencatat nilai tertinggi dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” (80.0), diikuti “Pengurusan Kewangan” (75.1), “Kepimpinan Prestasi” (73.1), “Kepimpinan Berwawasan dan Strategik” (72.4), “Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan” (71.8), “Hubungan Luar” (71.0), “Kepimpinan Sumber Manusia” (70.5), dan “Keputusan dan Prestasi Perbandingan” (70.5), semuanya melebihi 70. Ini menunjukkan pengurusan organisasi Malaysia konsisten dalam mempraktikkan proses, amalan dan struktur organisasi yang baik dengan penambahbaikan yang berterusan.

Peningkatan tertinggi IKP Malaysia 2010 berbanding 2008 dalam “Keputusan dan Prestasi Perbandingan” (5.5 mata) mencadangkan organisasi-organisasi Malaysia meletakkan pencapaian prestasi sebagai perkara paling utama dalam pengurusan, manakala peningkatan dalam “Inovasi – Produk dan Perkhidmatan” (5.1 mata) membayangkan mereka juga mengiktiraf inovasi sebagai satu aspek penting dalam perniagaan. Penambahbaikan dalam kategori “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” (4.8 mata) mencadangkan organisasi-organisasi Malaysia mengamalkan piawaian tingkah laku etika yang kukuh di kalangan pengurusan dan kakitangan. Dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), IKP PKS Malaysia 2010 (69.1) lebih rendah berbanding PKS India (74.6). PKS Malaysia hanya mampu mencapai prestasi melebihi 70 dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” (75.2) dan “Pengurusan Kewangan” (71.4). Walaupun begitu, IKP PKS Malaysia 2010 menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding IKP Malaysia 2008 (67.7).

3. OBJEKTIF-OBJEKTIF KAJIAN

Kajian IKP-PKS-MB 2012 bertujuan menjawab soalan-soalan berikut:

- (i) Bagaimakah prestasi PKS Melayu dan Bumiputera di Malaysia dari perspektif kemampuan pengurusan?
- (ii) Adakah terdapat sebarang perbezaan kemampuan pengurusan di antara Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana (PKS Melayu dan Bumiputera) dari segi IKP?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan ketara dalam kemampuan pengurusan PKS Melayu dan Bumiputera antara wilayah-wilayah berbeza di Malaysia dari segi IKP?
- (iv) Bagaimakah prestasi IKP PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia (IKP-PKS-MB 2012) berbanding IKP Malaysia 2010 dan IKP-IKP lain?

Oleh itu, matlamat utama kajian IKP-PKS-MB 2012 ini adalah untuk menilai dan menentukan kemahiran dan kecekapan pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia, secara khusus, dengan objektif-objektif berikut:

- (i) Menilai kemampuan pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia berpandukan 10 pemacu utama menggunakan IKP (menentukan indeks akhir IKP-PKS-MB 2012).
- (ii) Membandingkan kemampuan pengurusan di antara Pengusaha Kecil dan Pengusaha Sederhana PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia menggunakan IKP.
- (iii) Membandingkan IKP PKS Melayu/Bumiputera di beberapa wilayah berbeza di Malaysia.
- (iv) Membandingkan prestasi IKP PKS Melayu/Bumiputera (IKP-PKS-MB 2012) dengan IKP Malaysia 2010 dan IKP-IKP lain.

4. PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS

4.1 Pengumpulan Data

Bagi merealisasikan objektif-objektif kajian, suatu borang kajiselidik komprehensif telah disediakan untuk diisi oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus setiap syarikat PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia yang telah disenarai-pendekkan. Borang tersebut telah diadaptasi dan disesuaikan daripada borang kajiselidik IKP Malaysia 2010 (MIM-MPC, 2010). Borang-borang telah dihantar kepada sekurang-kurangnya 500 PKS Melayu/Bumiputera di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kajian hanya tertumpu kepada pengusaha-pengusaha PKS. Perusahaan Mikro tidak dipertimbangkan kerana kebanyakannya perniagaan keluarga di mana aspek pengurusan tidak begitu penting. Suatu perusahaan adalah dianggap PKS berdasarkan jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Sektor/Kategori PKS berdasarkan Perolehan Tahunan dan Bilangan Pekerja Sepenuh Masa

Kategori PKS	Sektor PKS	
	Pengeluaran, Perkilangan yang berkaitan Perkhidmatan dan Industri berdasarkan Agro	Perkhidmatan, Pertanian Primer, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
Mikro	Nilai jualan tahunan kurang dari RM250,000 dan pekerja sepenuh masa kurang dari 5	Nilai jualan tahunan kurang dari RM200,000 dan pekerja sepenuh masa kurang dari 5
Kecil	Nilai jualan tahunan antara RM250,000 dan RM10 juta dan pekerja sepenuh masa 5 - 50	Nilai jualan tahunan antara RM200,000 dan RM1 juta dan pekerja sepenuh masa 5 - 19
Sederhana	Nilai jualan tahunan antara RM10 juta dan RM25 juta dan pekerja sepenuh masa 51-150	Nilai jualan tahunan antara RM1 juta dan RM5 juta dan pekerja sepenuh masa 20-50

(Sumber: www.smeinfo.com.my, dan BNM (2005))

Kaedah pensampelan rawak berstrata telah digunakan di mana populasi kajian, syarikat-syarikat PKS Melayu/Bumiputera di 12 negeri Semenanjung Malaysia, dibahagikan kepada empat wilayah; Tengah (Kuala Lumpur, Selangor), Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak), Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor), dan Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang). Daripada 500 borang kajiselidik, 200 telah diperuntukkan untuk Lembah Klang (wilayah Tengah), 100 untuk Utara, 100 untuk Selatan dan 100 untuk Timur. Bilangan minimum borang kajiselidik lengkap diisi yang perlu diperolehi semula telah ditetapkan pada 200. Jika perlu (sekiranya kurang dari 200), temuduga-temuduga secara bersemuka dengan syarikat-syarikat PKS Melayu/Bumiputera perlu dilakukan. Bagaimanapun, sekumpulan pelajar siswazah dari Sabah juga berminat dalam menjalankan kajian ini bagi negeri tersebut, dan oleh yang demikian, 100 borang kajiselidik tambahan telah dikeluarkan. Oleh itu, sekarang terdapat lima (5) kawasan dalam populasi kajian termasuk Sabah.

Borang kajiselidik dibahagikan kepada dua belas (12) bahagian, A hingga L. Bahagian A dan B mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan latarbelakang responden (pengurus PKS atau pegawai bertanggungjawab), maklumat organisasi dan sektor. Bahagian C hingga L mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan 10 pemasukan utama (kategori) kemampuan pengurusan yang bertujuan untuk menilai IKP organisasi. Setiap PKS (organisasi) perlu menilai sendiri kedudukan semasa mereka (menggunakan skala Likert enam mata, 1-6) dalam setiap kategori kemampuan pengurusan yang akan menterjemahkan prestasi pengurusan organisasi dan pertumbuhan perniagaan, dan seterusnya boleh digunakan bagi menentukan suatu indeks kemampuan pengurusan (IKP).

Sepuluh pemasukan utama (kategori) kemampuan pengurusan dan pemberat masing-masing adalah seperti yang telah diberikan dalam Jadual 1, sama seperti yang telah digunakan dalam IKP Malaysia 2010 (MIM-MPC, 2010). Skor bagi penyata-penyata 10 pemasukan utama tersebut (menggunakan skala Likert 1-6) adalah seperti yang telah diberikan dalam Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 3. Skor Penyata-penyata bagi Kategori 1 hingga 9

Skor	Peratus	Kedudukan Terkini Organisasi
1	0	Tiada dalam organisasi
2	20	Di peringkat permulaan/perancangan
3	40	Dipraktikkan di beberapa bahagian organisasi dengan penambahbaikan
4	60	Dipraktikkan di sebahagian besar organisasi dengan penambahbaikan
5	80	Dipraktikkan di seluruh organisasi secara berterusan dengan penambahbaikan
6	100	Dilaksanakan sepenuhnya secara berterusan

(Sumber: MIM-MPC (2010))

Jadual 4. Skor Penyata-penyata bagi Kategori 10

Skor	Peratus	Kedudukan Terkini Organisasi
1	0	Tiada pencapaian, pencapaian merosot
2	20	Di peringkat awal, banyak pencapaian tidak dilaporkan
3	40	Menambahbaik dalam banyak bidang, beberapa bidang menunjuk kekuatan
4	60	Prestasi yang baik dalam kebanyakan bidang
5	80	Prestasi baik kepada cemerlang kebanyakan bidang, kepimpinan dan prestasi sangat baik
6	100	Prestasi cemerlang kebanyakan bidang, bukti kukuh kepimpinan industri banyak bidang

(Sumber: MIM-MPC (2010))

4.2 Kaedah Penganalisisan Data


Bagi merealisasikan objektif pertama, skor (1 hingga 6) bagi setiap penyata dalam 10 kategori (setiap PKS) dikumpul dan dipuratakan. Setiap nilai purata daripada 10 kategori (setiap PKS) kemudiannya dikumpul dan ditukarnilai untuk menghasilkan suatu indeks daripada 100 (di mana 100 adalah index sempurna), iaitu 10 indeks bagi setiap PKS. Pemberat-pemberat yang telah ditetapkan (Jadual 1) yang mencerminkan kepentingan setiap kategori digunakan ke atas 10 indeks ini bagi menghasilkan suatu indeks (IKP) bagi setiap PKS. Kemudian, suatu indeks akhir yang mewakili kemampuan pengurusan PKS Melayu/Bumiputera (IKP-PKS-MB 2012) boleh ditentukan. Berdasarkan indeks keseluruhan bagi setiap kategori, kedudukan 10 kategori tersebut boleh disusun.

Bagi objektif kedua, IKP bagi Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana dinilai secara berasingan, dan dibandingkan secara statistik menggunakan suatu ujian-Z. Bagi objektif ketiga, IKP bagi setiap daripada lima wilayah (termasuk Sabah) ditentukan secara berasingan, dan seterusnya perbandingan secara berstatistik dibuat menggunakan suatu ujian ANOVA (analisis varians). Akhir sekali, objektif keempat, IKP-PKS-MB 2012 (dan indeks yang dihasilkan bagi setiap kategori) dibandingkan dengan IKP Malaysia 2010 dan juga IKP-IKP lain.

5. KEPUTUSAN-KEPUTUSAN KAJIAN

5.1 Keputusan Awal dan Taburan Responden

Kajian IKP-PKS-MB 2012 secara rasmi telah dilakukan bermula Ogos 2011 di mana 500 borang kajiselidik telah dipos kepada pengusaha-pengusaha PKS Melayu/Bumiputera seluruh Semenanjung Malaysia (12 negeri). Bagaimanapun, sehingga Disember 2011, hanya 52 borang (10.4%) telah dikembalikan. Bagi mendapatkan lebih banyak respons atau maklumbalas, temuduga-temuduga secara bersemuka dengan pengusaha-pengusaha PKS yang terpilih telah diadakan di semua 12 negeri dan juga Sabah bermula Januari 2012. Sehingga Jun 2012, hasil daripada temuduga, sejumlah 244 respons telah direkodkan, termasuk 20 respons (PKS Bumiputera) dari Sabah. Oleh itu, sejumlah 296 respons (PKS Melayu/Bumiputera) telah berjaya dikumpulkan di mana semuanya telah dianalisis. Bilangan responden bagi setiap daripada 12 negeri (Semenanjung Malaysia) dan Sabah ditunjukkan dalam Rajah 1. Selangor memberikan bilangan responden tertinggi (50), diikuti oleh Johor (43).




Rajah 1. Bilangan Responden (PKS) bagi setiap Negeri

Jika 12 negeri ini dan Sabah dibahagikan kepada lima (5) wilayah, Tengah (Kuala Lumpur, Selangor), Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak), Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor), Timur (Pahang, Terengganu, Kelantan) dan Sabah, bilangan dan peratusan responden bagi setiap wilayah boleh dijumlahkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Wilayah Selatan mempunyai bilangan responden tertinggi iaitu 86 atau 29%.



Rajah 2. Bilangan dan Peratusan Responden (PKS) bagi setiap Wilayah

Rajah 3 menunjukkan majoriti daripada responden (PKS Melayu/Bumiputera) adalah pengusaha-pengusaha Perusahaan Kecil (75%). Dengan 40.88%, sektor Pembuatan dan Pengeluaran mempunyai bilangan responden tertinggi, manakala sektor Perdagangan (Minyak&Gas/ICT/Kewangan/Kesihatan) berada di tempat kedua (15.35%).




Rajah 3. Responden PKS Melayu dan Bumiputera mengikut Saiz dan Sektor

5.2 IKP PKS Melayu/Bumiputera


Skor-skor (1 hingga 6) bagi setiap dari 10 kategori kemampuan pengurusan (setiap PKS) dikumpul dan dipuratakan. Setiap nilai purata bagi 10 kategori tersebut ditukarkan kepada suatu indeks (100 skor sempurna). Kemudian, pemberat-pemberat (Jadual 1) yang masing-masing mewakili kepentingan kesemua kategori yang digunakan untuk menghasilkan suatu indeks (IKP) bagi setiap PKS. Akhirnya, purata bagi semua IKP PKS dikira bagi memberikan Indeks Kemampuan Pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia bagi tahun 2012 (IKP-PKS-MB 2012); dicatatkan pada **65.36**. Jadual 5 dan Rajah 4 menunjukkan kedudukan 10 pemacu utama kemampuan pengurusan bagi IKP-PKS-MB 2012 (disusun dari indeks tertinggi hingga terendah). Ini juga digambarkan dalam Rajah 5.

Jadual 5. Kedudukan 10 Kategori bagi IKP-PKS-MB 2012

Kedudukan	Kategori (Pemacu Utama)	Indeks	Varians
1	Integriti dan Tadbir Urus Korporat	68.15	3.02
2	Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan	67.23	3.26
3	Inovasi – Produk dan Perkhidmatan	66.39	3.25
4	Kepimpinan Prestasi	66.13	2.90
5	Kepimpinan Sumber Manusia	65.90	3.02
6	Kemampuan Organisasi	65.18	3.21
7	Pengurusan Kewangan	65.08	3.29
8	Kepimpinan Berwawasan dan Strategik	64.72	3.29
9	Keputusan dan Prestasi Perbandingan	64.70	3.22
10	Hubungan Luar	61.95	4.02
	IKP-PKS-MB 2012	65.36	2.28



Rajah 4. Kedudukan 10 Kategori bagi IKP-PKS-MB 2012



Rajah 5. Kompas Indeks bagi 10 Kategori IKP-PKS-MB 2012

IKP-PKS-MB 2012 pada 65.36 memberi maksud prestasi pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia adalah pada 65.36 daripada potensi kemampuan 100. Ini menunjukkan sembilan pemacu utama (kategori 1-9) kemampuan pengurusan sedang dipraktikkan di sebahagian besar organisasi (PKS) dengan penambahbaikan berterusan. Manakala bagi pemacu ke-10, ia menunjukkan prestasi yang baik dalam kebanyakan bidang. Dari Jadual 5, secara keseluruhan, PKS Melayu/Bumiputera mencatatkan indeks tertinggi dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” (68.15), diikuti oleh “Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan” (67.23), dan indeks terendah adalah “Hubungan Luar” (61.95) dengan varians tertinggi (4.02). Kesemua indeks bagi 10 pemacu utama adalah di antara 60 dan 70.

Kepentingan utama IKP-PKS-MB 2012 untuk mana-mana PKS Melayu/Bumiputera adalah dalam mengenalpasti di mana peningkatan prestasi pengurusan boleh dilakukan, dan melalui prestasi organisasi mampu mencapai matlamat dan potensinya. Langkah pertama, Pengarah Urusan atau pengurus PKS perlu membuat penanda aras organisasi berdasarkan IKP-PKS-MB 2012 dan kemudian mengenalpasti peluang dan inisiatif pembangunan untuk penambahbaikan dalam setiap kategori.

5.3 Perbandingan IKP antara Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana

Bagi membandingkan kemampuan pengurusan di antara Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana PKS Melayu/Bumiputera, IKP bagi dua kategori PKS ini mesti ditentukan secara berasingan. Kemudian, min-min sampel (purata) IKP bagi dua kategori ini boleh dibandingkan secara statistik menggunakan suatu ujian-Z. Indeks bagi kesemua 10 pemacu utama dan indeks akhir (IKP) bagi setiap kategori (Kecil dan Sederhana) ditunjuk dan dibandingkan dalam jadual di bawah (Jadual 6).

Jadual 6. Perbandingan IKP di antara Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana

	Kategori (Pemacu Utama)	IKP-PKS-MB 2012	
		Kecil	Sederhana
1	Kepimpinan Berwawasan dan Strategik	64.13	68.04
2	Kepimpinan Prestasi	65.63	69.20
3	Kepimpinan Sumber Manusia	65.38	68.49
4	Pengurusan Kewangan	64.24	69.16
5	Kemampuan Organisasi	64.84	67.51
6	Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan	66.85	69.42
7	Hubungan Luar	60.53	66.40
8	Inovasi - Produk dan Perkhidmatan	65.94	69.02
9	Integriti dan Tadbir Urus Korporat	67.71	71.07
10	Keputusan dan Prestasi Perbandingan	63.35	70.53
	Indeks Kemampuan Pengurusan	64.57	69.15

IKP Perusahaan Sederhana (69.15) adalah 4.58 mata (7.1%) lebih tinggi daripada Perusahaan Kecil (64.57). Dalam semua kategori kemampuan pengurusan, Perusahaan Sederhana menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada Perusahaan Kecil. Kedua-dua kategori PKS mencatatkan indeks tertinggi dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat”; oleh itu, kedua-duanya amat mengambil berat berkaitan tingkah laku beretika di kalangan pengurusan dan pekerja.

Bagi menguji perbezaan secara statistik di antara dua min sampel (IKP Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana) menggunakan suatu ujian-Z, hipotesis nol adalah “dua IKP tersebut sama” lawan hipotesis alternatif “dua IKP tersebut *tidak sama*”. Ini adalah suatu ujian dua-hujung, pada aras signifikan 5%, kawasan penolakan adalah $|z| > z_{.05/2} = z_{.025} = 1.96$. Statistik ujian adalah

$$z = \frac{(\bar{x}_1 - \bar{x}_2)}{\sqrt{(s_1^2/n_1) + (s_2^2/n_2)}} = \frac{0.6915 - 0.6457}{\sqrt{(0.020198/75) + (0.0248/221)}} = \frac{0.0458}{0.019533} = 2.34475.$$

Oleh kerana $z = 2.34475 > 1.96$, tolak hipotesis nol dan terbukti dua IKP itu menunjukkan perbezaan signifikan, iaitu kemampuan pengurusan Perusahaan Sederhana lebih baik dari Perusahaan Kecil.

5.4 Perbandingan IKP PKS Melayu/Bumiputera bagi Wilayah-wilayah Berbeza

Bagi membandingkan IKP PKS Melayu/Bumiputera bagi wilayah-wilayah berbeza di Malaysia, kesemua 12 negeri dan Sabah (296 responden) dibahagikan kepada lima wilayah seperti yang telah ditakrifkan sebelum ini. IKP bagi setiap wilayah, dan indeks serta kedudukan bagi setiap kategori kemampuan pengurusan, ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7. IKP PKS Melayu/Bumiputera setiap Wilayah, dan Indeks Serta Kedudukan setiap Kategori

Kategori	PKS Melayu Bumiputera		Wilayah									
			Tengah		Utara		Selatan		Timur		Sabah	
	IKP	Ked	IKP	Ked	IKP	Ked	IKP	Ked	IKP	Ked	IKP	Ked
Kepimpinan Berwawasan dan Strategik	64.72	8	64.82	9	62.33	7	71.47	3	55.79	10	68.83	7
Kepimpinan Prestasi	66.13	4	65.26	8	66.10	2	72.87	2	56.83	7	68.83	8
Kepimpinan Sumber Manusia	65.90	5	65.83	6	62.45	5	71.36	4	59.84	4	70.33	4
Pengurusan Kewangan	65.08	7	65.39	7	62.39	6	69.92	6	58.42	6	70.50	3
Kemampuan Organisasi	65.18	6	67.76	5	59.75	9	69.69	7	58.91	5	69.50	6
Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan	67.23	2	68.60	2	67.23	1	69.34	8	61.37	1	70.83	2
Hubungan Luar	61.95	10	64.08	10	59.43	10	64.92	10	56.17	9	65.33	10
Inovasi - Produk dan Perkhidmatan	66.39	3	68.46	3	65.16	4	70.66	5	56.78	8	72.67	1
Integriti dan Tadbir Urus Korporat	68.15	1	70.44	1	65.53	3	72.98	1	60.27	3	69.67	5
Keputusan dan Prestasi Perbandingan	64.70	9	68.11	4	60.82	8	66.59	9	60.38	2	67.00	9
Indeks Kemampuan Pengurusan (IKP)	65.36		66.79		62.76		69.70		58.49		69.08	

Wilayah Utara dan Timur meletakkan kategori “Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan” di kedudukan pertama, manakala wilayah Tengah dan Selatan (sama seperti IKP-PKS-MB 2012) meletakkan “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” di kedudukan pertama. Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Sabah mendedahkan bahawa pengusaha-pengusaha PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia kurang menitikberatkan “Hubungan Luar” (di kedudukan terakhir).

Wilayah Selatan mempunyai IKP tertinggi (69.70), manakala wilayah Timur mempunyai IKP terendah (58.49). Negeri-negeri di wilayah Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang) memerlukan perhatian dan usaha yang lebih bagi memperbaiki dan meningkatkan prestasi pengurusan PKS Melayu/Bumiputera dalam kesemua 10 pemacu utama (kategori) kemampuan pengurusan.

Suatu analisis varians (ANOVA) telah dibuat bagi menguji perbezaan di antara IKP-IKP bagi lima wilayah tersebut. Keputusan ujian ditunjukkan dalam Rajah 6.

Anova: Single Factor						
SUMMARY						
Groups	Count	Sum	Average	Variance		
Tengah	76	5076.167	66.79167	228.6334		
Utara	53	3326.333	62.76101	206.6544		
Selatan	86	5993.833	69.69574	213.1694		
Timur	61	3567.667	58.48634	214.091		
Sabah	20	1381.5	69.075	159.9546		
ANOVA						
Source of Variation	SS	df	MS	F	P-value	F crit
Between Groups	5288.559	4	1322.14	6.2158	8.215E-05	2.402668
Within Groups	61897.53	291	212.7063			
Total	67186.09	295				


Rajah 6. Analisis Varians bagi IKP-IKP Lima Wilayah

Nilai statistik $F = 6.2158$ adalah jelas jauh lebih besar daripada nilai kritisik $F_{0.05}(4, 291) = 2.4027$. Oleh itu, hipotesis bahawa ‘IKP bagi semua wilayah adalah sama’ perlu ditolak pada aras signifikan

5%. Justeru itu, seperti yang dipersetujui dalam Jadual 7, boleh dibuat kesimpulan bahawa IKP-IKP bagi lima wilayah tersebut adalah jelas berbeza; wilayah Selatan mempunyai IKP tertinggi dan wilayah Timur mempunyai IKP terendah, manakala Sabah berada pada tempat kedua.

5.5 Perbandingan di antara IKP-PKS-MB 2012 dan IKP Malaysia 2010

Suatu perbandingan telah dibuat di antara IKP PKS Melayu/Bumiputera Malaysia 2012 (IKP-PKS-MB 2012) dan IKP Malaysia 2010, dan juga IKP-IKP lain, bagi setiap kategori kemampuan pengurusan. IKP Malaysia 2010 dan IKP-IKP lain diperolehi daripada laporan *Malaysian Management Capability Index 2010* yang telah diterbitkan oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada Oktober 2010 (MIM-MPC, 2010). Rajah 7 menunjukkan perbandingan tersebut.



Rajah 7. Perbandingan di antara IKP-PKS-MB 2012 dan IKP Malaysia 2010

Rajah 7 jelas menunjukkan bahawa IKP-PKS-MB 2012 adalah lebih rendah dari IKP Malaysia 2010 dalam semua kategori. Ini mencadangkan pengusaha-pengusaha PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia perlu meningkatkan kemampuan pengurusan mereka dalam banyak bidang. Mereka perlu berusaha untuk mencapai kecemerlangan organisasi dengan memberi tumpuan bagi melepassi angka 80 di mana amalan-amalan pengurusan cemerlang secara konsisten diperlakukan di seluruh organisasi.

Jadual 8 menunjukkan perbandingan dan kedudukan di antara IKP-PKS-MB 2012 dan IKP Malaysia 2010 bagi setiap daripada 10 kategori. Walaupun IKP-PKS-MB 2012 mencatat indeks lebih rendah dalam semua kategori, kedua-duanya sepakat bahawa “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” berada di kedudukan pertama. Ini jelas menunjukkan pengusaha-pengusaha PKS Melayu/Bumiputera juga mengutamakan ketetapan piawaian tingkah laku beretika bagi pengurusan dan pekerja. Bagi kategori-kategori lain, kedudukan adalah berbeza dengan ketara.

Jadual 8. Perbandingan dan Kedudukan di antara IKP-PKS-MB 2012 dan IKP Malaysia 2010

Kategori	IKP-PKS-MB 2012		IKP Malaysia 2010	
	Kedudukan	Indeks	Kedudukan	Indeks
Kepimpinan Berwawasan dan Strategik	8	64.72	4	72.40
Kepimpinan Prestasi	4	66.13	3	73.10
Kepimpinan Sumber Manusia	5	65.90	7	70.50
Pengurusan Kewangan	7	65.08	2	75.10
Kemampuan Organisasi	6	65.18	10	69.10
Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan	2	67.23	5	71.80
Hubungan Luar	10	61.95	6	71.00
Inovasi - Produk dan Perkhidmatan	3	66.39	9	70.00
Integriti dan Tadbir Urus Korporat	1	68.15	1	80.00
Keputusan dan Prestasi Perbandingan	9	64.70	8	70.50
Indeks Kemampuan Pengurusan (IKP)		65.36		72.00

Perbandingan di antara IKP-PKS-MB 2012 dan IKP Malaysia 2010, dan juga IKP-IKP lain, seperti yang dilaporkan dalam MIM-MPC (2010), termasuk Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Besar Tempatan (LLC), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS Malaysia) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), dipamerkan dalam Jadual 9.

Jadual 9. Perbandingan di antara IKP-PKS-MB 2012, IKP Malaysia 2010 dan IKP-IKP lain

Kategori	IKP-PKS-MB 2012	IKP Malaysia 2010	MNC	LLC	PKS	GLC
Kepimpinan Berwawasan dan Strategik	64.72	72.40	80.0	74.7	69.2	77.1
Kepimpinan Prestasi	66.13	73.10	80.5	76.5	69.4	74.3
Kepimpinan Sumber Manusia	65.90	70.50	72.4	74.4	68.3	74.3
Pengurusan Kewangan	65.08	75.10	83.2	78.2	71.4	77.1
Kemampuan Organisasi	65.18	69.10	74.1	70.5	67.0	77.1
Aplikasi Teknologi dan Pengetahuan	67.23	71.80	77.8	72.3	69.8	74.3
Hubungan Luar	61.95	71.00	74.6	76.8	67.3	77.1
Inovasi - Produk dan Perkhidmatan	66.39	70.00	75.7	67.0	69.7	74.3
Integriti dan Tadbir Urus Korporat	68.15	80.00	87.6	86.0	75.2	88.6
Keputusan dan Prestasi Perbandingan	64.70	70.50	74.6	74.7	67.5	77.1
Indeks Kemampuan Pengurusan (IKP)	65.36	72.00	77.5	74.8	69.1	76.7

Jadual 9 menunjukkan IKP bagi syarikat-syarikat MNC, LLC dan GLC adalah secara perbandingan lebih tinggi daripada IKP Malaysia 2010 (72.0), manakala IKP bagi PKS Malaysia berada pada tahap rendah (69.1). Bagaimanapun, IKP-PKS-MB 2012 (65.36) adalah 6.64 mata (9.2%) lebih rendah daripada IKP Malaysia 2010, dan 3.74 mata (5.4%) lebih rendah daripada IKP PKS Malaysia 2010.

Prestasi Syarikat Multinasional (MNC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) melebihi 75 mata mencadangkan bahawa mereka sedang bergerak ke arah mencapai 90 daripada 100 di mana amalan-amalan pengurusan terbaik diperlakukan sepenuhnya di seluruh organisasi. IKP Syarikat Besar Tempatan (LLC) pada 74.8 memberi maksud bahawa amalan-amalan pengurusan terbaik diperlakukan secara konsisten di seluruh organisasi dengan penambahbaikan berterusan. Syarikat-syarikat PKS Malaysia perlu membuat lebih penambahbaikan dalam kesemua 10 kategori kemampuan pengurusan untuk berada setaraf dengan IKP Malaysia 2010. Seterusnya, PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia memerlukan lebih banyak usaha dan penambahbaikan berbanding PKS Malaysia dalam semua kategori bagi meningkatkan kemampuan pengurusan mereka.

6. KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Kesimpulan

Kajian IKP-PKS-MB 2012 pada peringkat awal telah menggunakan kaedah kajiselidik secara pos di mana responden (PKS Melayu/Bumiputera) juga disediakan sampul-sampul surat bersetem bagi memudahkan pengembalian borang kajiselidik. Ternyata cara ini tidak berkesan di mana hanya 10.4% (52 responden) telah mengembalikan borang masing-masing. Seperti yang selalu didakwa oleh kebanyakan penyelidik, kaedah kajiselidik secara pos atau melalui pos murah dan paling popular tetapi ia juga merupakan satu kaedah paling kontroversi dan selalu memberikan bilangan responden yang amat rendah. Mungkin ini disebabkan oleh pernyata-pernyata dalam borang kajiselidik kurang difahami atau susah untuk dinilai oleh responden, ataupun mereka tidak nampak akan kepentingan sesuatu kajian yang dijalankan. Masalah yang sama juga timbul apabila kaedah secara e-mel digunakan.

Kaedah terbaik bagi mendapatkan bilangan responden yang munasabah adalah temuduga secara berdepan. Walaupun kaedah ini melibatkan kos yang tinggi dan masa yang agak lama, ia mampu mengumpul maklumat yang lebih tepat daripada responden dan seterusnya menghasilkan keputusan kajian yang lebih dipercayai. Temuduga-temuduga yang telah dijalankan dengan pengusaha-pengusaha PKS Melayu/Bumiputera telah berjaya mengumpul 224 responden daripada semua negeri

dalam Semenanjung Malaysia dan juga 20 responden daripada Sabah. Jumlah keseluruhan responden adalah 296 (termasuk 52 secara pos) di mana semuanya telah dianalisis. Majoriti daripada responden adalah dari wilayah Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) iaitu 86 atau 29%. Pengusaha-pengusaha Perusahaan Kecil adalah paling ramai iaitu 225 atau 76% berbanding Perusahaan Sederhana (24%), dan sektor Pembuatan dan Pengeluaran merekodkan peratusan tertinggi 47.64%. Berdasarkan pemberat-pemberat 10 pemacu utama (Jadual 1), IKP PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia bagi 2012 (IKP-PKS-MB 2012) direkodkan pada 65.36. Ini memberi gambaran bahawa prestasi kemampuan pengurusan PKS Melayu/Bumiputera Malaysia adalah pada tahap 65.36%. Dengan kata lain, kesemua 10 kategori kemampuan pengurusan dipraktikkan di kebanyakan bahagian dan peringkat dalam organisasi dengan penambahbaikan berterusan. Bagi kategori ke-10, “Keputusan dan Prestasi Perbandingan”, IKP ini menjelaskan bahawa PKS Melayu/Bumiputera menunjukkan prestasi yang baik dalam banyak bidang. IKP-PKS-MB 2012 mencatat indeks tertinggi dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” (68.15) dan terendah dalam “Hubungan Luar” (61.95).

Perbandingan di antara Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia menunjukkan prestasi Perusahaan Sederhana adalah lebih baik daripada Perusahaan Kecil dalam semua kategori kemampuan pengurusan. Ini disokong oleh suatu ujian statistik Z (menguji perbezaan di antara dua min populasi bagi sampel-sampel besar). IKP Perusahaan Sederhana (69.15) adalah 4.58 mata (7.1%) lebih tinggi daripada Perusahaan Kecil (64.57). Kedua-dua kategori PKS ini mencatatkan indeks tertinggi dalam “Integriti dan Tadbir Urus Korporat”; oleh itu, kedua-duanya amat mementingkan tingkah laku beretika di kalangan pengurusan dan pekerja.

Perbandingan di antara lima wilayah berbeza di Malaysia menyaksikan PKS Melayu/Bumiputera di wilayah Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor) merekodkan IKP tertinggi (69.70), manakala wilayah Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang) mencatat IKP terendah (58.49). Perbezaan ketara dapat dilihat di antara dua wilayah ini. Faktor-faktor utama perbezaan ini adalah lokasi dan tahap pembangunan. Wilayah Selatan yang terletak di antara Kuala Lumpur dan Singapura merupakan kawasan tumpuan pelabur dari dalam dan luar dengan pelbagai kegiatan perniagaan. PKS Melayu/Bumiputera yang besar dan berpengalaman berlumba-lumba mengambil peluang perniagaan di Selatan. Ini secara langsung menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang jauh lebih pesat di Selatan berbanding Timur. Wilayah Timur seperti semua sedia maklum masih ketinggalan dalam pembangunan disebabkan kedudukannya yang jauh daripada Kuala Lumpur dan tidak banyak peluang perniagaan yang boleh disediakan kepada PKS di mana majoritinya adalah Melayu/Bumiputera.

Suatu analisis varians (ANOVA) telah membuktikan bahawa IKP-IKP bagi lima wilayah tersebut adalah berbeza secara signifikan; Selatan mempunyai IKP tertinggi dan Timur mempunyai IKP terendah. Negeri-negeri di wilayah Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang) memerlukan lebih perhatian dan usaha bagi menambahbaik prestasi kesemua kategori kemampuan pengurusan. Wilayah Tengah dan Selatan meletakkan “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” di kedudukan pertama. Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Sabah mendedahkan bahawa PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia kurang mementingkan “Hubungan Luar”.

Perbandingan di antara IKP-PKS-MB 2012 dan IKP Malaysia 2010 (dan IKP-IKP lain termasuk PKS Malaysia) menunjukkan IKP-PKS-MB 2012 adalah lebih rendah dalam semua kategori. IKP PKS Melayu/Bumiputera (65.36) adalah 6.64 mata (9.2%) lebih rendah daripada IKP Malaysia 2010, dan 3.74 mata (5.4%) lebih rendah daripada PKS Malaysia 2010. Oleh yang demikian, kemampuan pengurusan PKS Melayu/Bumiputera dalam banyak bidang perlu dipertingkatkan. Bagaimanapun, IKP-PKS-MB 2012 dan semua IKP Malaysia (semua jenis organisasi termasuk PKS Malaysia) meletakkan “Integriti dan Tadbir Urus Korporat” pada kedudukan pertama. Oleh itu, PKS Melayu/Bumiputera juga amat menitikberatkan tingkah laku beretika di kalangan pihak pengurusan dan pekerja. Perbandingan ini akan dapat membantu PKS Melayu/Bumiputera mengenalpasti kekuatan dan kelemahan mereka dalam pengurusan. Bagi sesbuah PKS, hasil kajian ini akan membantu mengenalpasti jurang prestasi antara IKP PKS Melayu/Bumiputera dan IKP Malaysia 2010, dan seterusnya mengenalpasti amalan-amalan terbaik pengurusan yang boleh dikongsi bersama PKS lain.

Di sini boleh disimpulkan bahawa IKP-PKS-MB 2012 menunjukkan prestasi yang baik dan bergerak ke arah mencapai kecemerlangan organisasi pada tahap 70 dari potensi kemampuan 100. Terdapat keperluan bagi penambahbaikan dalam semua kategori kemampuan pengurusan untuk mencapai tahap melebihi 70 yang boleh dikategorikan sebagai ‘baik’. IKP-PKS-MB 2012 menyediakan hasil-hasil kajian, panduan dan asas bagi setiap PKS Melayu/Bumiputera menanda aras prestasi mereka.

6.2 Cadangan

Hasil-hasil kajian IKP-PKS-MB 2012 menunjukkan prestasi kemampuan pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia pada tahap 65.36 mata adalah baik dan berada di landasan yang betul dalam mencapai kecemerlangan organisasi pada tahap 70 dari potensi kemampuan 100. Walaupun begitu, penambahbaikan berterusan dalam semua kategori perlu dilakukan supaya sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan mampu melebihi 70. Daripada Jadual 5, terdapat tiga kategori dalam IKP-PKS-MB 2012 dengan indeks kurang daripada 65; “Kepimpinan Berwawasan dan Strategik” (64.72), “Keputusan dan Prestasi Perbandingan” (64.70), dan Hubungan Luar (61.95). Dua kategori pertama mempunyai pemberat tertinggi berbanding yang lain, masing-masing 15% dan 25%. Ini jelas menunjukkan bahawa dua kategori tersebut amat penting dan signifikan dalam meningkatkan prestasi kemampuan pengurusan.

Justeru itu, PKS Melayu/Bumiputera perlu mempunyai wawasan (visi), misi dan matlamat jelas yang difahami dan dikongsi bersama semua ahli organisasi, dan juga memahami keperluan dan kehendak pasaran secara global. Mereka juga perlu sentiasa menilai dan memantau prestasi dan matlamat pengurusan sebagai petunjuk utama kecemerlangan organisasi. Walaupun “Hubungan Luar” diberikan pemberat yang rendah (5%), kepentingannya dalam kemampuan pengurusan tidak boleh dipandang remeh. Indeknya yang paling rendah (61.95) secara fizikal tidak menunjukkan kesan yang ketara dalam IKP-PKS-MB 2012. Bagaimanapun, kesan daripada hubungan luar yang lemah pasti akan mempengaruhi kategori-kategori lain dalam kemampuan pengurusan. Oleh itu, setiap syarikat PKS Melayu/Bumiputera perlu sentiasa membina hubungan yang kukuh dan berkesan dengan semua pihak berkepentingan serta mengembangkan rangkaian dan pengaruhnya dalam sektor yang diceburi kerana ia amat penting bagi menjamin kesinambungan dan peningkatan prestasi sesebuah organisasi.

Bagi kajian IKP yang akan datang (IKP-PKS-MB 2014), suatu analisis perbandingan di antara sektor-sektor berbeza PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia boleh dibuat sebagai salah satu daripada penambahbaikan dalam kajian. Ini juga akan menyediakan data bagi agensi-agensi kerajaan seperti SME Corporation Malaysia untuk mengenalpasti PKS Melayu/Bumiputera yang bersedia ke peringkat global, dan juga bagi yang memerlukan bantuan dan tunjuk ajar untuk membolehkan mereka menyertai pasaran global. Seterusnya, ia akan membantu Malaysia untuk mewujudkan PKS yang hebat dan berdaya saing yang mampu meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan ekonomi negara.

PENGHARGAAN:

Kami di IMPAK ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor UiTM, yang sentiasa memberikan sokongan dan galakkan untuk kami menjalankan penyelidikan dan penerbitan di UiTM. Jutaan terima kasih kepada semua kakitangan RMI UiTM yang telah banyak membantu dan menyediakan dana khas kepada IMPAK bagi menjayakan kajiselidik ini (600-RMI/SSP/DANA 5/3/DSP (374/2011)).

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Institut Pengurusan Malaysia (MIM) di atas khidmat nasihat berkaitan indeks kemampuan pengurusan dan juga borang kajiselidik di peringkat awal kajian. Tidak lupa juga, penghargaan ikhlas kami kepada semua pengurus PKS Melayu/Bumiputera yang telah sanggup meluangkan masa dan memberikan kerjasama dalam kajiselidik ini.

RUJUKAN:

- [1] AIM-AMCI (2012). 2012 Australian Management Capability Index. Australian Institute of Management (AIM), Februari 2012.
- [2] Birchfield R. (2011). Stumped for answers: Management's MCI score still too low, Management, New Zealand Institute of Management (NZIM), April 2011 (www.management.co.nz).
- [3] BNM (2005). Rumusan Mesyuarat Ketiga Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, Siaran Akhbar, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), Bank Negara Malaysia (BNM), 9 Jun 2005.
- [4] MIM (2006). 2006 Malaysian Management Capability Index, Malaysian Institute of Management (MIM), and MCI Research Team, Disember 2006.
- [5] MIM-MPC (2008). 2008 Malaysian Management Capability Index, Malaysian Institute of Management (MIM), Malaysia Productivity Corporation (MPC), and MCI Research Team, Oktober 2008.
- [6] MIM-MPC (2009). Malaysian Management Capability Index (MCI) Research Survey, Malaysian Institute of Management (MIM).
- [7] MIM-MPC (2010). Malaysian Management Capability Index 2010, Malaysian Institute of Management (MIM), Malaysia Productivity Corporation (MPC), and MCI Research Team, Oktober 2010.
- [8] MITI (2006). Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 2006-2020, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kuala Lumpur, Ogos 2006.
- [9] NZIM (2007). Management Capability: The index is slipping. What's Going Wrong? Management, 26-27 Februari 2007, New Zealand Institute of Management (NZIM), www.management.co.nz.
- [10] NZIM (2009). Management Capability: How Capable Are Kiwi Managers? Could Do Better, Management, 24-25 Ogos 2009, New Zealand Institute of Management (NZIM), www.management.co.nz.



**Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu
Universiti Teknologi MARA**

Aras 3, Blok 11, Intekma Resort & Convention Centre, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon: 03-5522 5515 / 5448 No. Faks: 03-5522 5489

E-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my
Web: <http://impak.uitm.edu.my/v1/>

